

# **Bahan-Bahan Mengenai Tok Janggut di Arkib Negara Malaysia**

**Oleh:**

**Savumthararaj A/L Gopal**

**Timbalan Ketua Pengarah**

**Sektor Penyelidikan dan Pengembangan**

**Arkib Negara Malaysia**

## **1. Pendahuluan**

Arkib Negara Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Pejabat Rekod Awam ditubuhkan pada 1 Disember 1957. Bermula daripada tarikh tersebut cabaran demi cabaran ditempuhi, langkah demi langkah diharungi, daripada ujian getir menyelamatkan rekod negara kerana Perang Dunia Kedua sehinggalah kepada peranan yang menguji kemampuan iaitu memelihara dan menyediakan pelbagai maklumat untuk penyelidikan. Selain daripada rekod-rekod rasmi yang bertaraf arkib di pelihara di Arkib Negara Malaysia, rekod-rekod persendirian yang bukan rasmi juga diperolehi dan dipelihara oleh Arkib Negara Malaysia.

Bahan-bahan mengenai tokoh-tokoh negara adalah sangat penting sebagai bahan rujukan untuk memahami perjuangan dan sumbangan mereka dalam membangunkan negara serta sumbangan dalam bidang sejarah dan bidang-bidang tertentu. Di antara rekod mengenai tokoh-tokoh yang terdapat di Arkib Negara adalah termasuk tokoh sebelum merdeka seperti Za'ba, Aminuddin Baki, Mat Kilau, Tok Janggut dan juga pejuang-pejuang lain di Tanah Melayu. Koleksi bahan berkaitan tokoh-tokoh selepas merdeka yang diangkat sebagai pejuang dan negarawan juga turut disimpan di Arkib Negara untuk rujukan. Antaranya seperti bahan-bahan berkaitan bekas-bekas Perdana Menteri Malaysia, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, bekas-bekas Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar dan ramai lagi.

## **2. Kemudahan dan Perkhidmatan Penyelidikan di Arkib Negara Malaysia**

Salah satu perkhidmatan utama yang ditawarkan oleh Arkib Negara Malaysia adalah kemudahan penyelidikan melalui Seksyen Rujukan dan Akses di Ibu Pejabat Arkib Negara Malaysia dan juga di semua cawangan Arkib Negeri. Hal ini selaras dengan visi dan misi Arkib Negara yang berusaha menjadi pusat arkib dan penyelidikan yang unggul. Dalam usaha merealisasikan visi dan misi ini, Arkib Negara sentiasa berusaha memastikan rekod negara yang bernilai kekal dipelihara, agar Jabatan ini dapat menyediakan perkhidmatan rujukan dan kemudahan penyelidikan terbaik kepada para penyelidik dan orang ramai.

Untuk itu, Arkib Negara sentiasa berusaha menambah baik kaedah penyampaian maklumat demi kepuasan pelanggan Jabatan ini. Dari sistem panducari manual seperti senarai penerimaan, senarai penjelasan fail dan katalog yang digunakan oleh para penyelidik, Arkib Negara mula mengorak langkah menyelusuri zaman dan kecanggihan teknologi dengan mengaplikasikan penggunaan kemudahan teknologi maklumat dalam usaha mempermudah dan mempercepatkan carian bahan-bahan arkib yang ingin dirujuk.

Bermula tahun 1966, Arkib Negara mula membangunkan sistem maklumat bersepadu yang dikenali sebagai *Computerised Archival Systems and Services* (COMPASS) yang bertindak sebagai inventori kepada bahan-bahan arkib. COMPASS telah membantu memudahkan pengguna dan penyelidik untuk mengakses bahan arkib dengan lebih mudah dan pantas.

Sesuai dengan peredaran masa, Arkib Negara semakin peka dengan keperluan dan kehendak pelanggannya. Terkini, Arkib Negara telah memulakan pembangunan aplikasi Online Finding Aids (OFA) bagi membolehkan pengguna dan penyelidik membuat carian secara berpusat yang boleh dilakukan dengan mudah bagi semua jenis bahan arkib selain menyediakan enjin carian yang lebih komprehensif tanpa sempadan dan waktu. OFA membolehkan bahan arkib diakses secara serentak tanpa had bilangan penyelidik pada masa yang sama serta membolehkan penyelidik membuat tempahan bahan yang ingin dirujuk lebih awal secara atas talian. Melalui sistem OFA juga, penyelidik diberi kemudahan tempahan seawal 3 hari sebelum

datang ke Arkib Negara untuk membuat penyelidikan. Ini secara tidak langsung dapat membantu penyelidik menjimatkan masa dan mempercepatkan proses penyelidikan.

Selain kemudahan penyelidikan, Arkib Negara juga sentiasa melaksanakan pelbagai program dengan kerjasama penyelidik untuk membantu menjalankan penyelidikan di Arkib Negara Malaysia. Salah satu program yang diperkenalkan ialah Penyelidikan bagi pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Melalui program ini, Para pelajar diberi panduan dan penerangan mengenai peraturan, konsep dan kaedah penyelidikan di Arkib Negara Malaysia. Program ini memberi tumpuan kepada pelajar IPT kerana mereka merupakan golongan yang berpotensi menjadi pengkaji / pengguna bahan arkib dalam kajian mereka. Hasil kajian, soal selidik juga mendapati rata-rata peserta program ini menunjukkan peningkatan pemahaman mengenai kaedah dan konsep penyelidikan di Arkib Negara.

### **3. Bahan-bahan mengenai Tok Janggut di Arkib Negara Malaysia**


Keseluruhan koleksi bahan arkib yang bernilai sejarah dan kebangsaan yang terdapat di Arkib Negara Malaysia dipelihara dan disimpan mengikut standard Arkib Antarabangsa. Bahan arkib ini terdiri daripada pelbagai jenis bahan seperti fail, terbitan, rekod kartografi, bahan audio visual, mikrofilem, pita rakaman dan sebagainya. Bahan-bahan ini disimpan mengikut jenis dan bentuknya untuk memastikan tidak berlaku kerosakan terhadapnya.

Sebagai penyimpan khazanah Warisan Negara, Arkib Negara Malaysia juga memperolehi dan memelihara beberapa bahan yang berkaitan dengan Tok Janggut. Bahan-bahan yang berkaitan dengan Tok Janggut yang terdapat di Arkib Negara Malaysia adalah seperti yang berikut :

### 3.1 Gambar



|                |                                                           |
|----------------|-----------------------------------------------------------|
| TAJUK          | Wajah Tuan Guru Haji Hassan Bin Panglima Munas (Lukisan ) |
| NO. PENERIMAAN | 2013/0003702                                              |
| SUMBER         | Nik Anuar Nik Mahmud, Prof. Dato'                         |




|                |                                                                                                           |
|----------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| TAJUK          | Anggota Polis Terengganu dalam satu perbarisan sekembalinya dari kebangkitan Tok Janggut dalam tahun 1928 |
| NO. PENERIMAAN | 1998/0005693                                                                                              |
| SUMBER         | Polis DiRaja Malaysia- Muzium Polis                                                                       |



|                |                                |
|----------------|--------------------------------|
| TAJUK          | Makam Tok Janggut              |
| NO. PENERIMAAN | 2001/0048562                   |
| SUMBER         | Arkib Negara Malaysia, Jabatan |



|                |                                              |
|----------------|----------------------------------------------|
| TAJUK          | Kematian Pa'ia, orang kanan Tok Janggut, t.t |
| NO. PENERIMAAN | 2006/0027645                                 |
| SUMBER         | Penerangan Malaysia, Jabatan                 |



|                |                                      |
|----------------|--------------------------------------|
| TAJUK          | Tok Janggut Pejuang atau Penderhaka? |
| NO. PENERIMAAN | 2011/0001144 (Buku)                  |
| SUMBER         | Nik Anuar Nik Mahmud                 |

### 3.2 Buku

- Tok Janggut, Penderhaka atau Pejuang? Oleh Nik Anuar Nik Mahmud
- Malaysian in History, Volume 19 No.1, June 1976
- A Kelantanese Manuscript: Cerita Tok Janggut Early 20<sup>th</sup> Century Kelantan (Manuskrip), Sumber Pejabat: Daerah & Tanah Gombak, Selangor

### 3.3 Terbitan

- Laporan Tahunan SUK Kelantan Meliputi Ogos 1903- Mei 1905, 1911-1938, terbitan mengenai Undang-Undang Negeri 1911-1920.

### 3.4 Fail (Sumber)

(a) Pejabat Balai Kerajaan, PB. Kel.(1912-1916)

Kumpulan rekod ini mengandungi fail-fail yang berkaitan dengan pelantikan dalam perkhidmatan Kerajaan Kelantan, seterusnya hal yang berkaitan dengan perjumpaan Sultan Kelantan dengan Penasihat British dalam mengeluarkan waran menangkap Tok Janggut yang menderhaka di Pasir Putih melalui Perwawai notis yang dikeluarkan dari Pejabat Balai.

(b) Fail Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (1903-1905, 1911-1944)

Kumpulan rekod ini mengandungi fail mengenai pengenalan enekmen-enekmen baru seperti '*Land Resumption Enectment*', "*Kelantan Land Enectment*", "*Buffaloes Enectment*" dan pengenalan pelbagai enekmen lain yang menjadi punca kepada kebangkitan Tok Janggut di Pasir Putih.

(c) *British Adviser's Office Kelantan, BAK (1914-1915)*

Kumpulan fail dari sumber British Adviser's Office Kelantan mengandungi pelbagai rekod mengenai Tok Janggut terutama tindakan yang diambil oleh pihak British dalam mengambil tindakan kepada Tok Janggut dan sekutunya, seperti Surat dari William Lagham Carter kepada Sultan Muhammad.



Contoh fail:

**KELANTAN.** 1118  
1923

From whom: B. B. P.  
Place: K.P.  
Date: 14. 11. 23.

A piece of land 11 acres in extent jointly owned by Talip bin Musa & Ibrahim bin Musa. Reports that Ibrahim was a conspirator in Tok Janggut rising & enquires whether this is to be given to the heirs or to be registered in the name of Talip.

Final Papers.

K.S.P. 570 4210 1210.  
1911 1915 1916

There is no paper found of property conveyed to the heirs.

B. B. P.  
11. 11. 23.

|                |                                                                                                                                                                                                                                               |
|----------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| TAJUK          | A piece of land 11 acres in extent jointly owned by Talip bin Musa Ibrahim bin Musa. Reports that Ibrahim was a conspirator in Tok Janggut vising & enquires whether this is tobe given to the heirs or to be registered in the name of Talip |
| NO. PENERIMAAN | 1957/0504620                                                                                                                                                                                                                                  |
| SUMBER         | British Adviser's Office, Kelantan                                                                                                                                                                                                            |

**KELANTAN.** 967  
1915

From whom: B. A.  
Place: Penggungan  
Date: 15. 7. 15.

Applies on behalf of Tungku Kassim bin Tunku Mat Besut for the reward of \$500 for the capture of Haji Chik, a Pasir Puteh Rebel.

MINUTES.

552 15 C.P.O.  
The King is the  
1915

B. A.  
The C.O. P.P. wants to know for action.

1915  
C.P.O.  
1915


B.A.  
The Tungku Kassim brought him here, and the Tungku Cassim said he was going to send the \$500 to Tungku.

1915  
The King is the  
1915

1915  
The King is the  
1915

|                |                                                                                                                                      |
|----------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| TAJUK          | Applies on behalf of Tungku Kassim bin Tunku Mat of Besut for the reward of \$500 for the capture of Haji Chik, a Pasir Puteh Rebel. |
| NO. PENERIMAAN | 1957/0494755                                                                                                                         |
| SUMBER         | British Adviser's Office, Kelantan                                                                                                   |





|                |                                                                        |
|----------------|------------------------------------------------------------------------|
| TAJUK          | <i>Proclamations of rewards for capture, etc, of leaders of rebats</i> |
| NO. PENERIMAAN | 1957/0494358                                                           |
| SUMBER         | British Adviser's Office, Kelantan                                     |

### 3.5 Koleksi Akhbar



|                |                                                                                 |
|----------------|---------------------------------------------------------------------------------|
| TAJUK          | Pemberontakan Tok Janggut bukan kisah dongeng oleh Haji Hussein Latiffi Yahaya. |
| NO. PENERIMAAN | 2002/0006625                                                                    |
| SUMBER         | Abdullah bin Ahmad, Tan Sri Dato' (Kok Lanas)                                   |



|       |                                             |
|-------|---------------------------------------------|
| TAJUK | SURAT Khabar Utusan<br>Melayu 7HB OGOS 1915 |
|-------|---------------------------------------------|



|       |                                            |
|-------|--------------------------------------------|
| TAJUK | SURAT Khabar Utusan<br>Melayu 8HB MEI 1915 |
|-------|--------------------------------------------|



|       |                                                    |
|-------|----------------------------------------------------|
| TAJUK | <b>SURAT KHBAR UTUSAN<br/>MELAYU 22HB MEI 1915</b> |
|-------|----------------------------------------------------|

### 3.6 Koleksi Kertas Seminar/ latihan ilmiah

- Deraf kertas kerja, 'Penjajahan, Perang Dunia Pertama & Kebangkitan Tok Janggut di Kelantan (1915), oleh Nik Anuar Nik Mahmud, Jabatan Sejarah, UKM (Kertas kerja)
- Seminar Kebangsaan Pejuang-Pejuang Kemerdekaan, Kebangkitan Tok Janggut di Kelantan: Gema Jihad di Bumi Serambi Mekah oleh Nik Anuar Nik Mahmud, Jabatan Sejarah UKM, 22-25 Ogos 2001
- Haji Abdullah Amirah: Riwayat Hidup Tok Janggut dan peperangannya di Kelantan-suatu penlitian pensejarahan – Latihan Ilmiah oleh: Rahimah Harun

## 4. Penutup

Arkib Negara Malaysia sentiasa menjalankan program perolehan bahan berkaitan tokoh-tokoh negara. Arkib Negara Malaysia menghargai masyarakat yang memiliki bahan-bahan yang berkaitan dengan tokoh agar dapat tampil menyumbang kepada Arkib Negara Malaysia untuk dipelihara dan diabadikan. Hal ini selaras dengan

usaha pihak Arkib Negara Malaysia yang sentiasa mengambil inisiatif bagi menambah lagi koleksi sumber primer bagi tujuan mempelbagaikan sumber sejarah di negara ini. Berdasarkan maklumat mengenai koleksi yang tersimpan di Arkib Negara, terutama bahan yang berkaitan Tok Janggut, koleksi ini merupakan sebahagian rekod yang boleh dirujuk untuk tujuan kajian dan penulisan. Rekod-rekod ini tersimpan baik di Arkib Negara.